

2. Jangan ambil Viagra dan ubat yang setara. Nitrat yang terkandung dalam ubat-ubatan ini boleh mengakibatkan penurunan tekanan darah yang serius semasa prosedur.
3. Pakai pakaian yang longgar.
4. Tinggalkan barang kemas di rumah kerana anda perlu menanggalkannya sebelum pengimejan.
5. Berhenti merokok sekurang-kurangnya 6 jam sebelum prosedur ini.

Apakah Risiko yang Mungkin?

Secara keseluruhannya, prosedur ini adalah sangat selamat. Risiko yang mungkin termasuk:

- Kecederaan buah pinggang yang disebabkan oleh bahan kontras. Ini lebih lazim berlaku dalam kalangan mereka yang didiagnosis dengan masalah buah pinggang sebelum ini. Bahan kontras juga boleh menyebabkan tindak balas alergi, yang kebanyakannya tidak berpanjangan dan tidak berbahaya. Contohnya ruam atau kegatalan sementara. Reaksi serius jarang berlaku.
- Pendedahan terhadap dos radiasi yang sangat rendah semasa CTA koronari. Namun begitu, potensi manfaat mendiagnosis dan merawat keadaan jantung anda jauh melebihi kesan sampingan pendedahan radiasi semasa CTA koronari.
- Ibu yang menyusui seharusnya mengelakkan prosedur ini kerana bahan kontras mungkin terdapat di dalam susu ibu. Namun begitu, jika CTA koronari diperlukan, anda boleh meneruskan penyusuan sekurang-kurangnya 24 jam selepas prosedur.

Bilakah Boleh Saya Mengetahui Keputusannya?

Keputusan dan langkah rawatan anda yang seterusnya akan dibincangkan bersama doktor anda pada temu janji yang seterusnya. Sekiranya keputusan ujian sangat tidak normal, doktor anda mungkin mengesyorkan anda untuk teruskan dengan angiografi koronari invasif.

Sekiranya perhatian perubatan segera diperlukan, langkah-langkah yang wajar akan diambil, termasuk kemasukan segera ke hospital atau menjadualkan temu janji anda dengan doktor anda pada tarikh yang lebih awal.

TINGKAT 3 PUSAT PERUBATAN TTSH

- Pusat Jantung
- Klinik 3A (Kardiologi, Perkhidmatan Ambulatori Jantung, Gim Rehabilitasi Jantung)
- Klinik 3B (Atrium Jantung, Pusat Pengimejan Jantung)

TINGKAT 3 BLOK KECEMASAN (A&E)

- Makmal Jantung Invasif

NOMBOR TELEFON:


6537 7000 (Semua Temu Janji)



Scan the QR Code with your smart phone to access the information online or visit <https://www.ttsh.com.sg/Patients-and-Visitors/Medical-Services/Cardiology/Pages/default.aspx>

Jabatan
KARDIOLOGI

Angiografi Tomografi Berkomputer Koronari



Apakah Angiografi Tomografi Berkomputer Koronari?

Tomography Berkomputer (CT) merupakan kajian pengimejan canggih yang menggunakan sinar-X dan pemrosesan komputer untuk menghasilkan imej dua atau tiga dimensi organ dalaman.

Angiografi Tomografi Berkomputer (CTA) merupakan teknik pengimejan CT untuk menentukan kehadiran deposit lemak dan/atau kalsium (plak) di dalam saluran darah ke jantung. Plak boleh menyempitkan saluran secara tidak normal dalam keadaan perubatan yang dinamakan aterosklerosis.

CTA koronari melibatkan suntikan intravena bahan kontras (biasanya dikenali sebagai pewarna) dan memberikan imej saluran darah jantung secara langsung di skrin.

Mengapakah Saya Perlukan CTA Koronari

CTA koronari merupakan prosedur perubatan yang memeriksa keadaan saluran darah jantung dan ia dapat mengesan penyakit arteri koronari yang tidak obstruktif (tidak tersekat) dan yang obstructif (tersekat). Penyakit jantung koronari yang tidak tersekat bermakna tiada penyumbatan ketara aliran darah ke otot jantung, sementara penyakit jantung koronari obstruktif bermakna penyumbatan yang ketara dan boleh menimbulkan ketidakselesaan dada dan sesak nafas. Tanda-tanda lain untuk CTA termasuk ujian tekanan yang tidak memberikan keputusan muktamad atau asal-usul abnormal arteri koronari.

CTA koronari bukan merupakan gantian bagi angiografi koronari invasif. Sila berbincang dengan doktor anda untuk mengetahui lebih lanjut tentangnya.

Apakah yang Perlu Anda Jangkakan untuk Prosedur?

Sebelum menjalani CTA koronari, kakitangan kami akan menjalankan ujian untuk mengukur:

- Ketinggian
- Berat badan
- Tekanan darah dan nadi
- Tahap kreatinina. Kreatinina ialah produk sisa kimia yang dihasilkan oleh metabolisme otot kita.

Apabila ujian di atas dilakukan, tiub plastik kecil atau kanula akan dimasukkan ke dalam salah satu urat darah di lengan anda untuk suntikan bahan kontras. Prosedur ini dijalankan di Makmal CT Jantung.



Mesin Pengimejan CT Jantung

Untuk pelekatan elektrod Elektrokardiogram (ECG) ke dada, pesakit lelaki akan diminta mengeluarkan baju mereka. Pesakit wanita mungkin diminta menukar kepada gaun khusus untuk tujuan melekatkan elektrod ECG.

Pesakit dengan kadar denyutan melebihi 65 denyut/min akan diberi dos oral atenolol, sejenis ubat yang memperlambatkan kadar jantung. Ubat ini boleh mengambil masa kira-kira sejam untuk memberi kesan. Ini penting kerana kadar degupan jantung yang lebih perlahan menghasilkan mutu imej jantung yang lebih baik.

Sebaik sahaja kadar degupan jantung boleh diterima untuk memperoleh imej yang bermutu, anda akan diminta untuk berbaring di atas meja pengimejan dan elektrod ECG akan dilekatkan. Semasa proses ini, anda akan menerima arahan untuk bernafas masuk, menahan nafas selama 10 saat dan bernafas keluar. Anda juga akan diberi ubat untuk "membuka" arteri koronari. Langkah-langkah ini adalah penting untuk memperoleh imej yang bermutu. Sekiranya anda rasa anda tidak dapat menahan nafas anda selama 10 hingga 15 saat (atau berbaring lama untuk tempoh waktu itu), beritahu doktor anda atau kakitangan.

Bahan kontras kemudiannya disuntik ke dalam urat darah dan meja pengimbas CT bergerak ke dalam pengimbas untuk memperoleh imej jantung. Anda mungkin mengalami keadaan berikut:

1. Sensasi hangat dan panas
2. Rasa hendak kencing

Simptom-simptom ini bersifat sementara, hanya berlanjutan selama beberapa minit. Semasa meja bergerak, anda juga boleh mendengar bunyi berdengung dan mengklik.

Ini adalah normal dan tidak seharusnya membuatkan anda berasa gugup. Sepanjang tempoh ujian, kakitangan kami dapat melihat, mendengar dan bercakap dengan anda.

Ujian ini boleh mengambil masa antara 15 minit (jika kadar jantung dikawal dengan baik dari awal) hingga beberapa jam (jika masa diperlukan untuk menurunkan kadar jantung).

Maklumkan Doktor Anda Tentang:

1. Sebarang alergi untuk bahan kontras, kerang atau iodin. Anda perlu dirawat terlebih dahulu dengan ubat untuk mencegah tindak balas alergi.
2. Masalah buah pinggang. Kajian pengimejan alternatif atau langkah berjaga-jaga boleh dilakukan sebelum ujian.
3. Kehamilan anda. Anda tidak seharusnya menjalani koronari CTA jika anda mengandung.

Penyediaan untuk CTA Koronari

1. Jangan makan atau minum sekurang-kurangnya 6 jam sebelum menerima bahan kontras. Elakkan mengambil makanan dan/atau minuman yang mengandungi kafein (contohnya Kopi, Teh, Coklat, Coke) sekurang-kurangnya 12 jam sebelum prosedur kerana ia boleh meningkatkan kadar degupan jantung anda. Namun begitu, anda boleh mengambil ubat biasa anda pada hari ujian, jika ada.